

**HEGEMONI BARISAN NASIONAL (BN) DI PARLIMEN SILAM:
ANALISIS KE ATAS KEPUTUSAN PRU11 HINGGA PRU14**

***BARISAN NASIONAL (BN) HEGEMONY IN P188 SILAM:
ANALYSIS FROM GE11 TO GE14***

Nordin Sakke, Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Fadilah Sarbi, Adi Jafar

E-mel : dinums@ums.edu.my

Abstrak

Hegemoni BN di Silam termasuk Sabah bermula apabila UMNO berjaya melebarkan sayapnya ke Sabah tahun 1994. Klimaks kepada hegemoni ini ialah apabila Sabah menerima jolokan simpanan tetap kerana kemampuannya menyelamatkan BN daripada rebah angkara tsunami politik yang dikesan bermula 2004. Namun isu-isu berkaitan peningkatan kos sara hidup, kadar pengangguran di kalangan anak-anak muda, masalah kleptokrasi di kalangan ahli-ahli politik dan ledakan media sosial telah merubah landskap politik luar jangka menyebabkan hegemoni BN tersungkur pada PRU-14. Oleh itu makalah ini melihat kejayaan BN mengekalkan hegemoni di parlimen Silam dan bagaimana hegemoni ini berjaya ditamatkan oleh parti-parti non-BN terutamanya Warisan. Untuk merungkaikan masalah ini, keputusan pilihanraya bermula daripada PRU-11 dan siaran-siaran akhbar dianalisis. Di samping itu kajilidikan lapangan dilakukan bagi mengesah dan mengukuhkan dapatan. Hasil analisis menunjukkan bahawa faktor pengekalan hegemoni BN sebelum PRU-14 banyak dipengaruhi oleh faktor nasional dan kekuatan jentera BN yang kukuh di samping agen-agen kerajaan berjaya digunakan untuk memberi gambaran yang baik terhadap BN. Namun PRU-14 BN di kuburkan di P.188 Silam termasuk ketiga-tiga DUN di dalamnya iaitu N.49 Tungku, N.50 Lahad Datu dan N.51 Kunak. Puncanya ialah isu-isu yang dihadapi oleh kerajaan berjaya dipersepsi secara buruk oleh kebanyakan media sosial yang dilihat anti BN menyebabkan berlakunya perubahan sikap rakyat terutamanya pengundi muda di saluran 3, 4 dan 5.

Kata kunci : Pilihanraya, BN, PRU14, Hegemoni, Silam

Abstract

The BN Hegemony of Silam, including Sabah started when UMNO succeeded to spread its wings to Sabah in 1994. The climax of Sabah hegemony happened when it was able to save BN from drowning during the political tsunami that was detected since 2004. However, issues related to the increasing cost of living, unemployment among young people, the problem of kleptocracy among politicians and the explosion of social media have changed the political landscape and witnessed the collapse of BN hegemony in GE14. Thus, this

paper reviews the success of BN in maintaining its hegemony in Silam and how this hegemony was put to an end by non-BN parties especially Warisan. To explore this case, election results and press releases beginning GE-11 were analyzed. In addition, field surveys were conducted to confirm and strengthen the findings. The results of the analysis show that the factors maintaining BN's hegemony prior to GE-14 were heavily influenced by the national factor and the strength of BN's machinery, as well as government agents who were successful in promoting a good impression of BN. However, during GE-14 BN failed to secure victory at P.188 Silam including the three state constituencies in N.49 Tungku, N.50 Lahad Datu and N.51 Kunak. The reason of this failure is due to anti-BN social media that managed to give negative perceptions of the issues faced by the government, resulting in a change of attitude in people, especially young voters in channels 3, 4 and 5.

Keywords: Election, BN, GE14, Hegemony Silam

PENGENALAN

Pemilihan kepemimpinan melalui proses pilihan raya adalah asas penting dalam berkerajaan sendiri bagi negara merdeka. Ini kerana pilihan raya merupakan elemen penting dalam pengamalan sistem demokrasi. Dalam sistem demokrasi di Malaysia, terdapat dua peringkat pemilihan kepemimpinan iaitu peringkat persekutuan dan negeri. Pada pilihanraya ke-14 (PRU14), sebanyak 222 kawasan parlimen telah diwujudkan di peringkat parlimen manakala negeri-negeri pula berbeza-beza bilangan kawasan dewan undangan negeri (DUN) dengan bilangan keseluruhan sebanyak 505 DUN. Perlis merupakan negeri yang paling kecil bilangan DUN iaitu sebanyak 15 manakala Sabah merupakan negeri tertinggi iaitu 60 DUN. Pilihan raya umum Malaysia ke-14 (PRU-14) telah diadakan pada 9 Mei 2018 oleh Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia (SPR) setelah parlimen dibubarkan pada 7 April 2018 dengan menyaksikan keseluruhan DUN dan parlimen melaksanakan pemilihan wakil rakyat secara serentak kecuali DUN Sarawak.

Barisan Nasional (juga dikenali sebagai BN) merupakan parti campuran hasil permuafakatan parti berbilang kaum seperti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang mewakili melayu, Malaysian Chinese Association (MCA) yang mewakili kaum cina dan Malaysian Indian Congress (MIC) yang mewakili kaum India dan beberapa gabungan dari parti serantau di Sabah dan Sarawak. Dalam konteks Sabah, dominasi BN semakin kukuh sejak 1994 apabila UMNO berjaya melebarkan sayapnya ke Sabah sehinggakan Sabah menerima jolokan simpanan tetap Barisan Nasional kerana kemampuan Sabah menyelamatkan BN daripada rebah angkara tsunami politik yang dikesan bermula 2004. Ini ditunjukkan apabila Sabah banyak menyumbangkan kerusi kepada BN di parlimen pada PRU-13 bagi mengekalkan hegemoni kuasa di peringkat persekutuan. Lantaran daripada itu, BN merasa yakin dapat mengekalkan kuasa pada PRU-14 berpandukan beberapa kajian yang dilakukan oleh badan pemikir Majlis Profesor Negara (MPN) yang menunjukkan sukar untuk BN tumbang di Sabah. Keadaan ini di tambah lagi dengan keyakinan BN Sabah yang mengakui anak-anak muda kembali menyokong BN (Utusan Borneo, 2017: 24 Ogos) dan parti-parti pembangkang ketika itu sedang berpecah (FMT,

2018). Namun isu-isu peningkatan kos sara hidup, kadar pengangguran di kalangan anak-anak muda, masalah kleptokrasi di kalangan ahli-ahli politik dan ledakan media sosial telah merubah landskap politik luar jangka. Isu-isu yang dihadapi ini berjaya dipersepsi secara buruk oleh kebanyakan media sosial yang dilihat anti BN menyebabkan berlakunya perubahan sikap rakyat yang mengubah keputusan pengundian di Sabah.

Perubahan sikap masyarakat pelbagai kaum dan sentimen tinggi di kalangan anak-anak muda untuk melakukan perubahan politik di Sabah telah mengubah pola politik yang berlaku pada PRU13. Natiujahnya, ramai calon versi Pakatan Harapan (PH) di Sabah yang dipimpin oleh parti Warisan telah berjaya membolosi takhta kuasa di peringkat DUN dan Parlimen pada PRU-14 kali ini. Dengan slogan “Sabah Ubah”, BN mengalami kekalahan memeritkan dengan jumlah kerusi parlimen yang dimenangi sekadar 9 berbanding 21 kerusi pada PRU-13. Manakala bagi kerusi DUN pula, BN hanya memenangi 12 daripada 60 DUN yang dipertandingkan. Berlakunya peralihan undi sebanyak 67% kepada rakan-rakan PH berbanding 32% kekal mengundi BN. Tsunami besar yang berlaku bagai wabak penyakit menarik untuk dikaji. Oleh itu makalah ini cuba mengupas hegemoni BN melalui analisis keputusan pilihanraya di setiap DUN dan parlimen Silam bermula PRU11 pada 2004 hingga tersungkur pada PRU-14. Untuk melengkapkan kajian, dokumen-dokumen SPR disoroti dan survei lapangan dan bersemuka dengan pengundi hingga kepada calon bertanding semasa pilihanraya turut dilakukan. Teknik analisis deskriptif untuk menjelaskan status hegemoni di samping menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi memetakan pola dan trend sokongan rakyat di kawasan parlimen P.188 Silam dan DUN N.49 Tungku, N.50 Lahad Datu dan N.51 Kunak.

SIFAT GEOGRAFI DAN DEMOGRAFI PENGUNDI


Dalam membincangkan mengenai Parlimen Silam, terdapat beberapa ciri penting yang dapat di lihat mengenai parlimen ini. Secara amnya ia boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu latar belakang geografi dan latar belakang pengundi.

Latar Geografi

Parlimen Silam merupakan kawasan yang terletak di pantai Timur Sabah. Parlimen ini adalah gabungan daripada dua daerah pihak berkuasa tempatan iaitu daerah Lahad Datu dan daerah Kunak serta satu daerah kecil Tungku (Rajah 1). Dari segi geografi, kawasan terletak pada garis bujur antara 117° 07' T hingga 118° 14'T dan garis lintang antara 4° 3' U hingga 5° 9' U. Daerah Kinabatangan terletak di utara, Daerah Tongod di barat dan daerah Semporna dan Tawau di bahagian selatan. Terdapat tiga bandar/pekan utama di kawasan ini iaitu bandar Lahad Datu, pekan Kunak dan Tungku. Jarak kawasan ini daripada Kota Kinabalu sekitar 400 kilometer. Keluasan parlimen ini dianggarkan sekitar 8,578 kilometer persegi (km²) di mana kawasan DUN Tungku meliputi 49.1 peratus daripada keseluruhan kawasan diikuti oleh DUN Lahad Datu sekitar 37.9 peratus dan selebihnya 13.0 peratus adalah DUN Kunak. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Sahabat yang terbesar di Malaysia, terletak di kawasan ini.

Bentuk muka bumi daerah Lahad Datu khususnya kawasan di sebelah barat adalah bergunung-ganang dan dikenali sebagai tanah tinggi Segama yang diairi oleh jaringan sungai Segama. Di bahagian timur tanah tinggi Segama, terdapat kawasan tanah rendah yang dikenali sebagai Lembah Danum. Bahagian timur Lahad Datu dibentuk oleh selatan Semenanjung Dent dengan kawasan berbukit-bukau yang dibentuk oleh Banjaran Bagahak yang mencecah ketinggian sehingga 760 meter. Manakala di bahagian selatan khususnya di kawasan Kunak terdapatnya jajaran bukit yang membentuk Taman Bukit Tawau. Ia meliputi puncak Gunung Magdalena setinggi 1,310 meter, Gunung Lucia setinggi 1,201 meter dan Gunung Maria setinggi 1,020 meter. Kebanyakan tanah rendah mengunjur ke teluk Darvel di bahagian timur yang tumpuan penduduk menetap.

Rajah 1: Kedudukan Parlimen Silam dan DUN



Sumber : Ubahsuai daripada SPR (2016a,b,c)

Latar penduduk dan Pengundi


Parlimen Silam juga terkenal dengan kepelbagaian suku kaum seperti suku kaum Bugis, Bajau, Idahan, Dusun, Suluk, Cina, Kokos, Iranun, Kadazan, Timor, Tidong, Jawa, Sungai dan Kagayan (Pejabat Daerah Lahad Datu, 2013) termasuk Cina dan India. Berdasarkan kepada bancian penduduk 2010, jumlah penduduk di Parlimen Silam sekitar 260,924 orang di mana 51.3 peratus adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan (Perangkaan Malaysia, 2015). Jika digunakan kadar pertumbuhan penduduk tahunan di Lahad datu sekitar 2.2 peratus dan 1.8 peratus di Kunak, dianggarkan jumlah penduduk Silam pada tahun 2017 sekitar 295,714 orang di mana daerah Lahad Datu termasuk Tungku sekitar 228,577 orang dan daerah Kunak sekitar 67,136 orang. Berdasarkan maklumat dalam daftar pemilih SPR pada tahun 2018 (SPR, 2018a), sekitar 20.6 peratus sahaja penduduk yang mengambil bahagian dalam pilihan raya jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan penduduk yang direkodkan. Peratus rendah yang mengambil bahagian dalam

pilihan raya ini kerana didapati sekitar 40.0 peratus penduduk parlimen Silam merupakan bukan warganegara dan kelompok bawa umur yang belum layak mengundi sekitar 46.1 peratus.

P.188 Silam merupakan parlimen kedua terbesar selepas P.187 Kinabatangan. Terdapat 3 DUN yang membentuk parlimen Silam pada PRU-14 iaitu N.49 Tungku, N.50 Lahad Datu dan N.51 Kunak. DUN Tungku dibentuk oleh 11 daerah mengundi (DM) dengan 36 saluran mengundi (SM), DUN Lahad Datu sebanyak 12 buah DM dengan 53 SM dan DUN Kunak sebanyak 8 buah DM dengan 30 SM. Seramai 61,014 orang jumlah pemilih telah berdaftar di parlimen Silam di mana pengundi biasa meliputi 96.15 peratus, pengundi awal sekitar 2.31 peratus dan selebihnya pengundi Pos. DUN Lahad Datu mencatatkan jumlah pemilih teramai iaitu sekitar 28,703 orang (47.0 %), diikuti oleh DUN Tungku iaitu 17,795 orang (29.2 %) dan DUN Kunak 14,516 orang (23.8 %). Dari segi gender, 51.95 peratus merupakan pengundi lelaki manakala 48.05 peratus adalah pengundi wanita. Kategori Bumiputera Islam (BI) merupakan pengundi yang paling dominan iaitu DUN Kunak sekitar 91.5 peratus, Tungku sekitar 77.8 peratus dan Lahad Datu 75.2 peratus dengan peratus keseluruhan di peringkat parlimen sekitar 79.8 peratus. Dari segi kelompok umur, belia yang berumur antara 21 – 40 tahun meliputi 48.0 peratus, 36.9 peratus merupakan pemilih dalam kategori dewasa (41 – 59 tahun) dan 15.1 peratus merupakan kategori orang tua (SPR, 2018a; UMNO, 2018). Perincian maklumat pemilih mengikut DM seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Dari segi etnik, Bugis, Bajau-Suluk, Melayu dan Cina merupakan pengundi teramai berbanding suku-suku lain seperti Kadazan-Dusun-Murut (KDM), Brunei, Sungai, Banjar dan sebagainya. Di peringkat parlimen, etnik Bugis meliputi 22.4 peratus, Bajau-Suluk sekitar 21.7 peratus, Melayu 19.9 peratus dan Cina 10.6 peratus. Di peringkat DUN, Bugis kekal sebagai pengundi majoriti di Kunak (30.0 %) dan Lahad Datu (21.4 %) manakala di Tungku, etnik Bajau-Suluk merupakan pengundi teramai iaitu sekitar 24.0 peratus (Rajah 2).

Rajah 2: Peratusan Pengundi mengikut Suku bagi DUN di Parlimen Silam



Sumber : Ubahsuai daripada SPR (2018a) dan UMNO (2018)

Jadual 1: Profil pengundi mengikut jantina, umur dan agama di Parlimen Silam 2018

DUN N.49 TUNGKU

KOD	PDM	JUMLAH PENGUNDI	JANTINA				UMUR						AGAMA							
			LELAKI		WANITA		BELIA		DEWASA		TUA		BI		BBI		CINA		LAIN	
			JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
1884901	Belacon	843	415	4.5	428	5.0	182	2.1	505	7.5	156	6.3	342	2.5	488	20.5	10	0.7	3	2.7
1884902	Dam Road	1339	674	7.3	665	7.7	531	6.2	546	8.2	262	10.6	504	3.6	112	4.7	704	48.7	19	16.8
1884903	North Road	832	422	4.6	410	4.8	277	3.2	367	5.5	188	7.6	362	2.6	70	2.9	391	27.1	9	8.0
1884904	Tengah Nipah	1741	843	9.2	898	10.5	1030	11.9	474	7.1	237	9.6	1478	10.7	53	2.2	205	14.2	5	4.4
1884905	Segangan	1004	498	5.4	506	5.9	425	4.9	412	6.2	167	6.7	897	6.5	30	1.3	74	5.1	3	2.7
1884906	Silabukan	1993	1006	10.9	987	11.5	978	11.3	744	11.1	271	10.9	1506	10.9	457	19.2	15	1.0	15	13.3
1884907	Ulu Tungku	1018	492	5.3	526	6.1	364	4.2	461	6.9	193	7.8	369	2.7	637	26.7	4	0.3	8	7.1
1884908	Tungku	3023	1538	16.7	1485	17.3	1336	15.5	1225	18.3	462	18.7	2769	20.0	216	9.1	20	1.4	18	15.9
1884909	Felda Sahabat	4410	2443	26.5	1967	22.9	2805	32.5	1349	20.2	256	10.3	4086	29.5	286	12.0	14	1.0	24	21.2
1884910	Tambisan	727	416	4.5	311	3.6	239	2.8	312	4.7	176	7.1	686	5.0	25	1.0	8	0.6	8	7.1
1884911	Tanjung Labian	865	456	5.0	409	4.8	459	5.3	298	4.5	108	4.4	853	6.2	11	0.5	0	0.0	1	0.9
JUMLAH		17795	9203	51.7	8592	48.3	8626	48.5	6693	37.6	2476	13.9	13852	77.8	2385	13.4	1445	8.1	113	0.6

DUN N.50 LAHAD DATU

KOD	PDM	JUMLAH PENGUNDI	JANTINA				UMUR						AGAMA							
			LELAKI		WANITA		BELIA		DEWASA		TUA		BI		BBI		CINA		LAIN	
			JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
1885001	Ulu Segama	1098	599	4.0	499	3.7	593	4.3	330	3.1	175	3.9	539	2.5	527	22.2	17	0.4	15	5.1
1885002	Sepagaya	4370	2400	15.8	1970	14.5	2715	19.9	1314	12.4	341	7.6	3844	17.8	235	9.9	210	4.7	81	27.3
1885003	Segama	2171	1113	7.3	1058	7.8	794	5.8	885	8.4	492	11.0	1560	7.2	141	5.9	466	10.5	4	1.3
1885004	Tabanac	2839	1474	9.7	1365	10.1	1279	9.4	1197	11.3	363	8.1	2261	10.5	178	7.5	384	8.6	16	5.4
1885005	Sakar	495	252	1.7	243	1.8	195	1.4	184	1.7	116	2.6	468	2.2	11	0.5	15	0.3	1	0.3
1885006	Bandar Lahad Datu	3382	1805	11.9	1577	11.6	1203	8.8	1472	13.9	707	15.8	2132	9.9	253	10.7	976	22.0	21	7.1
1885007	Lapangan Terbang	2711	1401	9.3	1310	9.7	1065	7.8	1104	10.4	542	12.1	1705	7.9	166	7.0	786	17.7	54	18.2
1885008	Singgahmata	3569	2062	13.6	1507	11.1	1898	13.9	1142	10.8	529	11.8	2994	13.9	212	8.9	311	7.0	52	17.5
1885009	Panji Baru	2230	1183	7.8	1047	7.7	752	5.5	1009	9.5	469	10.5	1957	9.1	65	2.7	202	4.5	6	2.0
1885010	Taman Fajar	2321	1086	7.2	1235	9.1	1378	10.1	721	6.8	222	5.0	1623	7.5	229	9.6	450	10.1	19	6.4
1885011	Silam	1640	857	5.7	783	5.8	820	6.0	593	5.6	227	5.1	1319	6.1	280	11.8	29	0.7	12	4.0
1885012	Jalan Segama	1877	911	6.0	966	7.1	972	7.1	620	5.9	285	6.4	1187	5.5	78	3.3	596	13.4	16	5.4
JUMLAH		28703	15143	52.8	13560	47.2	13664	47.6	10571	36.8	4468	15.6	21589	75.2	2375	8.3	4442	15.5	297	1.0

DUN N.51 KUNAK

KOD	PDM	JUMLAH PENGUNDI	JANTINA				UMUR						AGAMA							
			LELAKI		WANITA		BELIA		DEWASA		TUA		BI		BBI		CINA		LAIN	
			JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
1885101	Mostyn	1596	853	11.6	743	10.4	715	10.2	584	11.1	297	13.3	1427	10.7	115	15.8	49	11.4	5	6.0
1885102	Pangi	1943	971	13.2	972	13.6	929	13.3	695	13.2	319	14.2	1677	12.6	233	32.0	19	4.4	14	16.9
1885103	Kampung Kunak	1354	685	9.3	669	9.3	262	3.7	738	14.0	354	15.8	1184	8.9	62	8.5	103	24.0	5	6.0
1885104	Giram	1287	643	8.7	644	9.0	444	6.3	539	10.2	304	13.6	1219	9.2	43	5.9	18	4.2	7	8.4
1885105	Pengkalan Kunak	1983	1002	13.6	981	13.7	755	10.8	711	13.5	517	23.1	1859	14.0	39	5.4	78	18.2	7	8.4
1885106	Kunak Jaya	1960	967	13.2	993	13.9	1142	16.3	700	13.3	118	5.3	1812	13.6	67	9.2	73	17.0	8	9.6
1885107	Pangi	974	480	6.5	494	6.9	550	7.9	317	6.0	107	4.8	932	7.0	29	4.0	9	2.1	4	4.8
1885108	Pekan Kunak	3419	1750	23.8	1669	23.3	2200	31.4	994	18.8	225	10.0	3166	23.8	140	19.2	80	18.6	33	39.8
JUMLAH		14516	7351	50.6	7165	49.4	6997	48.2	5278	36.4	2241	15.4	13276	91.5	728	5.0	429	3.0	83	0.6

Sumber : Ubahsuai daripada SPR (2018a) dan UMNO (2018)

Dari segi sejarah pilihan raya, jumlah pemilih berdaftar antara 2004 hingga 2018 telah meningkat sebanyak 20,600 orang iaitu peningkatan 33.84 peratus dengan purata pertambahan sebanyak 6,800 bagi setiap pilihanraya. Pertambahan pengundi pada PRU-13 dan PRU-14 amat memberangsangkan hasil usaha pihak kerajaan dan pembangkang. Ini rentetan telah berlaku tanda-tanda tsunami perubahan pada PRU-12 yang cuba menumpukan galakan mendaftar di kalangan anak-anak muda. Usaha ini di selaraskan dengan galakan untuk turun mengundi di mana purata peratus mengundi agak tinggi pada PRU-13 dan 14 berbanding PRU-11 dan 12. Jumlah peratus turun mengundi sekitar 74.69 peratus adalah agak baik bagi kawasan parlimen yang luas. DUN Kunak merupakan kawasan yang mempunyai peratus turun mengundi yang tinggi jika dibandingkan dengan kawasan lain di parlimen Silam manakala DUN Lahad Datu senantiasia menunjukkan jumlah undi rosak dan protes (tidak dikembalikan) yang tinggi (Jadual 2). Ini kerana pengaruh bandar yang mewujudkan pemilih yang agak kritikal disebabkan capaian maklumat yang tinggi dan taraf penghidupan yang agak stabil.

Jadual 2 : Maklumat pemilih berdaftar dan pengundian

MAKLUMAT UNDIAN	PRU-11				PRU-12			
	N.49 TUNGKU	N.50 LAHAD DATU	N.51 KUNAK	P.188 SILAM	N.49 TUNGKU	N.50 LAHAD DATU	N.51 KUNAK	P.188 SILAM
PEMILH BERDAFTAR	11,327	19,437	9,589	40,362	12,246	21,548	9,694	43,488
JUMLAH KERTAS UNDI	6,866	11,248	6,027	24,141	7,712	13,448	6,276	27,557
JUMLAH UNDIAN	6,623	10,576	5,800	23,995	7,438	13,010	6,210	27,419
ROSAK	212	542	222	1517	273	438	225	989
TIDAK KEMBALI	31	130	5	146	1	10	0	138
PERATUS PENGUNDIAN	60.62	57.87	62.85	59.81	62.98	62.41	64.74	63.37

MAKLUMAT UNDIAN	PRU-13				PRU-14			
	N.49 TUNGKU	N.50 LAHAD DATU	N.51 KUNAK	P.188 SILAM	N.49 TUNGKU	N.50 LAHAD DATU	N.51 KUNAK	P.188 SILAM
PEMILH BERDAFTAR	14,626	25,232	11,804	51,662	17,795	28,703	14,516	61,014
JUMLAH KERTAS UNDI	11,312	19,219	9,132	39,663	12,976	20,834	10,413	44,294
JUMLAH UNDIAN	12,619	18,736	8,811	38,529	12,619	20,339	10,161	43,040
ROSAK	287	451	295	1077	352	432	223	1079
TIDAK KEMBALI	7	32	26	57	5	63	29	175
PERATUS PENGUNDIAN	77.34	76.17	77.36	76.77	72.92	72.58	71.73	72.60

Sumber : SPR (2004a, 2018b)

POLA DAN TREND PENGUNDIAN

Pola pengundian di Parlimen Silam boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama. Pertama akan menyentuh mengenai hegemoni dan penguasaan BN ke atas parlimen ini dan kedua akan melihat kemunculan beberapa parti Non BN dan akhirnya membawa kepada kejatuhan BN.

Barisan Nasional dan Hegemoni Ke Atas Silam

Di Sabah, semangat BN telah wujud pada zaman perikatan tetapi cengkamannya dilihat semakin kukuh apabila UMNO mula bertapak secara rasmi semasa pilihan raya kecil (PRK) Usukan pada 12 Mei 1991 (Sabihan, 2008). Ini rentetan daripada usaha Parti Bersatu Sabah (PBS) yang cuba merenggangkan diri dengan kerajaan persekutuan yang dipimpin oleh UMNO. Kemenangan kecil yang dicapai oleh UMNO dalam PRK ini membuka jalan untuk BN melebarkan sayap keseluruhan negeri melalui penglibatan bersungguh semasa pilihan raya negeri (PRN) 1994. Apatah lagi semasa 1994, Sabah mengadakan PRN berasingan dengan PRU. Pada PRN 1994, PBS mampu mengekalkan kuasa dengan majoriti kecil namun hanya mampu bertahan selama kurang daripada tiga minggu apabila seramai 6 ahli dewan undangan negerinya (ADUN) bertindak keluar parti dan menyertai gabungan BN yang dianggotai oleh UMNO, Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP). Akibatnya, pada 17 Mac 1994, presiden PBS Datuk Pairin Kitingan secara rasminya terpaksa akur dan memberikan laluan kepada BN untuk menubuhkan kerajaan negeri yang baru. Bermula daripada tarikh ini, BN melalui UMNO semakin mendapat tempat di Sabah bagi mengukuhkan cengkaman kuasa dan hegemoni terhadap rakyat dan negeri melalui politik pembangunan dan permuafakatan.

Dalam konteks perkembangan politik di Malaysia, dominasi hegemoni BN terhadap masyarakat amnya sememangnya tidak dapat dinafikan. Berdasarkan kepada kamus hubungan antarabangsa susunan Evans dan Newnham (1998), menjelaskan bahawa hegemoni dengan mudah merujuk kepada suatu kuasa seperti negara ataupun golongan kelas pemerintah yang amat berpengaruh dalam mengawal segala tindak-tanduk negara-negara lain ataupun masyarakat dalam sesebuah negara. Seperti di Semenanjung Malaysia, Hegemoni BN di Sabah terlihat dengan kemenangan bergaya pada setiap pilihan raya sejak merdeka. Cuma sedikit terganggu pada era 1990–1994, apabila PBS berada di luar dari keanggotaan BN (Asmadi dan Suzalie, 2014). Namun setelah itu, hegemoni BN dapat dikukuhkan seperti ditunjukkan melalui siri-siri kemenangannya dalam pilihan raya di peringkat negeri mahupun persekutuan. Bermula PRN 1999, BN telah mula mengukuhkan kedudukan apabila memenangi 31 dari 48 kerusi yang dipertandingkan. Jumlah ini merupakan satu peningkatan yang baik berbanding PRN 1994 yang hanya mampu memenangi 23 kerusi sahaja. Kesungguhan untuk BN bertapak di Sabah melalui UMNO berhasil melalui kemenangan sangat besar pada PRN 2004/PRU-11 selepas berlaku persempadanan semula kawasan pilihan raya. Kemenangan ini di teruskan pada 2008 apabila mengekalkan jumlah kerusi yang dimenangi pada PRU-12 iaitu sebanyak 59 daripada 60 kerusi DUN (Wikipedia, 2018). Walaupun berlaku tsunami politik di peringkat persekutuan pada tahun 2008 apabila BN kehilangan majoriti dua pertiga dengan undi popular hanya sekitar 50.6 peratus (Asmady dan Suzalie, 2014) namun BN Sabah masih gah di persada politik apabila membekal sebanyak 24 kerusi pada 2008. Disaat BN hampir tumbang pada tahun 2013, Sabah masih mampu lagi memenangi 48 daripada 60 kerusi DUN dan menjadi antara penyumbang kerusi yang besar sebanyak 22 untuk menyelamatkan BN di parlimen bagi meneruskan legasi kekuasaannya. Ini menyebabkan Sabah menerima jolokan nama sebagai simpanan tetap BN.

Penguasaan BN di Parlimen P.118 Silam termasuk DUN yang dimilikinya juga seiring dengan apa yang berlaku di peringkat negeri dan persekutuan. Peratus undi yang diperoleh di peringkat DUN antara PRU-11 hingga PRU-13 ialah 55.5 hingga 80.0 peratus.


N.49 Tungku dan N.51 Kunak menunjukkan penguasaan BN yang tinggi dengan purata sokongan menghampiri 70.0 peratus. Jika dianalisis mengikut urutan pilihan raya, jumlah undi yang diperoleh mengikut DUN menunjukkan pola turun naik. Bagi N.49 Tungku dan N.50 Lahad Datu, polanya hampir sama iaitu berlaku penyusutan peratus undi antara PRU-11 dan PRU-12 tetapi meningkat pada PRU-13. Berbeza dengan N.51 Kunak, peratus sokongan meningkat antara PRU-11 dan PRU-12 tetapi menyusut pada PRU-13. Bagi parlimen pula, peratus undi yang diperoleh BN antara 58.1 hingga 68.8 peratus dengan purata sekitar 64.2 peratus (Rajah 3). Didapati berlaku penyusutan peratus undi yang konsisten bagi setiap pilihan raya. Apa pun pola dan trend yang ditunjukkan, realitinya BN telah berjaya mengekalkan penguasaan di semua peringkat sama ada di peringkat parlimen dan DUN tanpa lompang dan hampir semua daerah mengundi dan lokaliti bagi setiap PRN dan PRU. Ini digambarkan melalui paparan peta dalam Rajah 4 yang menunjukkan penguasaan BN masih melebihi 50.0 peratus di kebanyakan DM sebelum PRU-14 diadakan.

Pengekalan penguasaan dan hegemoni BN di Parlimen Silam ini banyak bergantung kepada faktor yang saling berkait sama ada faktor nasional, negeri, parlimen mahupun DUN. Berpandukan kepada trend yang ditunjukkan dalam Rajah 3, calon dikenal pasti antara faktor yang berupaya memastikan kemenangan BN. Apa yang diperhatikan ialah peratus undi BN dilihat meningkat apabila calon yang dipilih daripada muka-muka baru tetapi berlaku kemerosotan setelah dikekalkan menjadi calon pada pilihan raya seterusnya. Ini jelas ditunjukkan bagi semua DUN. Di N.49 Tungku, Datuk Mohd. Suhaili Said mendapat peratus undi yang memberangsangkan pada PRU-11 apabila kali pertama menjadi calon. Begitu juga Datuk Yusuf Apdal telah berjaya meningkat peratus undian daripada 59.7 peratus kepada 67.4 peratus apabila menggantikan Datuk Mohammad Nasrun Mansur pada PRU-13 di N.50 Lahad Datu. Begitu juga yang berlaku di N.51 Kunak, apabila Datuk Nilwan Kabang menggantikan Datuk Jasa Rauddah pada PRU-12, prestasi BN amat membanggakan dengan peningkatan peratus sokongan sebanyak 25.5 peratus iaitu daripada 55.5 peratus pada PRU-11 kepada 81.0 peratus pada PRU-12 (Rajah 3).

Kestabilan politik juga merupakan faktor amat penting penerusan hegemoni BN. Kestabilan ini dapat dicapai apabila parti komponen yang diwakili oleh majoriti masyarakat Kadazandusun, Murut dan Rungus (KDMR) yang terdiri daripada Parti Bersatu Sabah (PBS), Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) serta Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) telah bersetuju bersama-sama berganding bahu untuk kepentingan pembangunan Sabah. Begitu juga dengan parti kaum Cina seperti MCA dan LDP. Persefahaman ini telah menjadi motivasi dan katalis untuk Tan Sri Musa Aman membangunkan ekonomi Sabah selepas memegang tampuk ketua menteri pada 2003. Kejayaan ini ditunjukkan apabila rizab kewangan negeri Sabah telah meningkat kepada RM3.2 bilion berbanding RM180 juta pada zaman Tan Sri Chong Kah Kiat menjadi ketua menteri pada 2003. Pengurusan kewangan yang baik ini menyebabkan Sabah diiktiraf sebagai sebuah negeri yang mempunyai keupayaan kewangan bertaraf 'AAA' (Triple-A) oleh Audit Negara (Sayang Sabah, 2017: 1 Ogos). Ditambah lagi perhatian yang lebih serius telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Sabah terutamanya dari segi pengagihan sumber kewangan. Peruntukan kewangan dari Kerajaan Persekutuan telah meningkat Saban tahun. Sebagai contoh dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006–2010), sejumlah RM15.65 bilion diperuntukkan kepada negeri Sabah selain RM1.25 bilion di bawah Inisiatif


Pembiayaan Swasta (PFI) (Asmady dan Suzalie, 2014). Simpanan rizab yang banyak serta peruntukan daripada kerajaan persekutuan ini membolehkan agihan peruntukan dapat disalurkan di parlimen Silam. Ini dapat ditunjukkan melalui projek-projek yang dilaksanakan sehinggakan ia dapat dirasai oleh rakyat bawahan. Sebagai contoh di N.49 Tungku dan N.50 Lahad Datu, antara tahun 2009 hingga 2014 sektor perumahan telah berkembang sebanyak 34.39 peratus, sektor komersial sebanyak 43.36 peratus dan pengilangan dan industri sebanyak 20.0 peratus (Mohd Fawzi, 2017). Perkembangan ini telah membuka banyak peluang pekerjaan yang dapat dinikmati oleh penduduk sekitar. Di samping itu program pembasmian kemiskinan melalui projek rumpai laut di Pangi Kunak dan Kg. Nala, Lahad Datu, ternakan ikan dalam sangkar di Kampung Teruakan dan ikan baulu di Kg Nala merupakan antara projek yang telah meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Rajah 3 : Pola dan Trend penguasaan BN di Parlimen Silam



Sumber : Ubahsuai daripada SPR (2004b, 2008, 2013, 2018c)

Rajah 4 : Penguasaan BN di Parlimen Silam Mengikut PRU



Sumber : Ubahsuai daripada SPR (2004b, 2008, 2013, 2018c)

Selain itu penguasaan media elektronik dan agensi-agensia awam oleh kerajaan telah berjaya digunakan oleh BN untuk menerang dan menyebarkan propaganda atas nama kerajaan. Isu-isu berkaitan politik pembangunan berjaya dihadamkan kepada masyarakat menyebabkan masyarakat menerima tanpa banyak soal. Kecerdikan BN menjadikan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai perdana menteri (PM) ke-6 menggantikan Tun Ahmad Abdullah selepas tsunami politik pada tahun 2008 menyebabkan peratus sokongan di parlimen Silam telah meningkat. Ini ditunjukkan peningkatan peratus undi di N.49 Tungku dan N.50 Lahad Datu serta mendapat 70.0 peratus undi di N.51 Kunak. Kerajaan yang dipimpin oleh Datuk Seri Najib Bin Tun Abdul Razak telah berjaya memulihkan sebentar persepsi terhadap BN di Sabah. Pemulihan ini dilakukan dengan menggerakkan proses Transformasi Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan awam, meningkatkan kecekapan pengurusan dan menjadikan kerajaan lebih transparensi. Melalui transformasi ini, banyak pembaharuan-pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan di bawah jenama 1 Malaysia seperti pemberian BRIM, KRIM, SLIM, baucar buku, bantuan persekolahan, subsidi dan bantuan-bantuan lain yang telah dirasai kenikmatannya oleh ramai rakyat di semua peringkat. Antara program yang berjaya memujuk pengundi Silam ialah BRIM, KRIM dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Program-program pembangunan dan bantuan ini telah berjaya mengekalkan prestasi sokongan dan melonjak semasa PRU-13. Ini ditunjukkan berlaku peningkatan sokongan di N.49 Tungku dan N.50 Lahad Datu pada PRU-13 iaitu masing-masing sebanyak 6.8 peratus dan 7.6 peratus berbanding pilihan raya sebelumnya.

Di samping itu kejayaan program-program luar bandar melalui KEMAS dan JKKK yang senantiasa mendampingi rakyat sebagai mata telinga BN amat dirasai oleh rakyat. Begitu juga Program K-10 anjuran wanita BN dengan memberi fokus kepada menjaga 10 orang kemudian diganti dengan program Jalinan Rakyat (JR) telah banyak membantu mengekalkan sokongan kepada BN. Program ini bagi memantapkan jaringan dengan masyarakat setempat di tiap-tiap kawasan Parlimen terutama dengan kumpulan sasar iaitu NGO, suri rumah, profesional atau mana-mana individu dan lain-lain badan yang berpengaruh bagi memudahkan aktiviti kemasyarakatan dilaksanakan berterusan. Dengan program ini, BN mampu untuk menjuarai isu-isu wanita, keluarga dan masyarakat dengan memberi khidmat nasihat dan bertindak membantu menyelesaikannya. Keberjayaan program ini dilihat dengan kehadiran agen-agen BN semasa berlaku kelahiran, kematian, perkahwinan, kebakaran dan musibah-musibah yang berlaku. Bagi merealisasikan program ini, Sebagai contohnya Saleha Abd Wahid yang merupakan Ketua Wanita UMNO Silam melancarkan Salam Sayang untuk mendekati hati rakyat. Misi ini diteruskan oleh Mizma Apehdullah yang menggantikan Saleha melalui program Sayang Sabah bagi menjejaki dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan di peringkat akar umbi.

Gula-gula akhir yang menjadi buah mulut menjelang pilihan raya merupakan senjata ampuh bagi BN untuk mengekalkan kuasa. Walaupun gula-gula akhir ini sukar dibuktikan secara empiris tetapi kenyataan presiden Warisan, Datuk seri Syafie Apdal yang juga mantan Naib Presiden UMNO yang “mengingatkan pengundi di Sabah bahawa RM500 atau lebih tidak akan jadikan mereka jutawan” (Malaysiakini, 2018) sudah cukup membenarkan wujudnya wang pemujuk di saat akhir. Kebiasaannya BN memberikan jumlah yang tinggi berbanding parti-parti non-BN. Terkadang ada parti-parti non-BN yang tidak mampu untuk mengikut jejak BN. Situasi ini secara langsung telah memberi kelebihan yang besar kepada BN kerana sifat Melayu dan manusia ketimuran yang suka mengenang budi kepada sesiapa yang berjasa kepada mereka. Selain itu kegagalan pihak lawan untuk memanipulasikan isu di peringkat parlimen juga menyebabkan BN terus kekal memerintah. Sebagai contoh Isu pendatang asing yang dimainkan oleh pembangkang seperti DAP dan PKR di peringkat negeri yang hanya mendapat sambutan di kalangan penduduk non- muslim dan KDM. Ini kerana calon PKR Silam pada PRU-12 iaitu Dr. Hasbullah melihat isu PTI bukanlah isu yang besar (Wan Shawaluddin dan Md Saffie, 2008). Ini kerana Dr. Hasbullah Imam Ohang @ Mohd Taha cukup berhati-hati dengan isu ini kerana ramai pengundi yang berdaftar di parlimen Silam mempunyai hubungan kekeluargaan dengan negara asal golongan PTI. Firasat ini selari dengan apa yang difikirkan oleh jentera BN yang juga berjaya menutup isu.

Parti Non-BN dan Kejatuhan Hegemoni BN

Silam merupakan kawasan parlimen yang meriah setiap kali pilihan raya menjelma. Ini kerana BN sebagai pemegang hegemoni tidak pernah menang tanpa ditentang. Antara parti-parti non-BN yang telah menyuburkan demokrasi di kawasan parlimen Silam ialah Parti Maju Sabah (SAPP), Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu), Parti Solidariti Tanah Airku (STAR), Parti Harapan Rakyat Sabah (Harapan), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Keadilan Rakyat (PKR)¹, Parti Warisan Sabah (Warisan), Parti Kebangsaan Sabah dan beberapa calon bebas. Kemeriahan ini ditambah lagi dengan pertandingan lebih daripada dua penjuru. Jumlah penjuru terbanyak yang pernah dipertandingkan sebanyak 6


iaitu pada PRU-11 di Lahad Datu dan pada PRU-13 di Kunak. Juga turut memeriahkan pilihanraya ialah terdapat dua parti kelahiran semenanjung agak berminat bertanding di kawasan ini seperti PKR dan PAS. PKR merupakan satu-satunya parti yang telah menyertai semua pilihanraya bagi menghadapi BN tanpa putus asa. Begitu juga PAS yang dilihat konsisten wujud sejak PRU-13 dan bertanding di peringkat P.188 Silam dan N.51 Kunak. Parti-parti lain dilihat hanya mampu bertahan sepinggal. Parti Bersekutu misalnya, hanya wujud pada PRU-11, STAR dan SAPP hanya wujud pada PRU-13. Dijangkakan Harapan dan Parti Kebangsaan Sabah juga akan mengalami nasib yang sama di mana mereka hanya mampu bertahan pada PRU-14.

Walaupun banyak parti non-BN yang cuba mencabar hegemoni BN, namun hanya PKR dan Warisan dilihat mampu memberi cabaran yang ampuh. Dalam siri-iri pilihan raya yang ada, PKR dilihat mampu memberi persaingan yang agak sengit pada PRU-12 apabila ia mampu meraih undi melebihi 30.0 peratus di semua DUN dan parlimen kecuali N.51 Kunak berbanding pilihan raya yang lain. Jumlah undi yang tinggi ini dapat dikaitkan pertembungan satu lawan satu di semua peringkat. Parti-parti atau individu-individu yang tidak bersetuju dengan BN secara umumnya telah memberi laluan kepada PKR sahaja untuk berhadapan dengan BN. Pada masa ini kesedaran di kalangan anak-anak muda sudah mula berputik untuk melakukan perubahan. Blog telah menjadi salah satu fenomena terbaru yang melanda masyarakat Malaysia termasuk Sabah ketika itu dan ia menjadi wadah untuk anak muda mendapatkan maklumat yang lebih seimbang. Menurut Suhaimee (2008) dalam kajiannya terhadap blog-blog di Malaysia, hanya sekitar 14.5 peratus sahaja blog yang pro kepada BN dan 60.0 peratus yang anti- BN. Ramai blogger yang tidak berpuas hati dengan kerajaan BN telah meluahkan tinta pena mereka dalam blog masing-masing. Garapan ide-ide dalam blog telah mengundang perbincangan politik dan seterusnya meningkatkan persepsi tidak baik terhadap BN. Proses kebebasan penyebaran maklumat melalui blog menyebabkan capai-capaian maklumat berkaitan salah laku, rasuah, kronisme, nepotisme oleh kerajaan BN mudah diperolehi. Ini termasuklah kelemahan pentadbiran pimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi dan gambar mudah tertidur telah dipermainkan di blog-blog anti-BN. Begitu juga perpecahan yang berlaku dalam UMNO akibat penguasaan Khairy Jamaluddin dalam pengagihan projek-projek kerajaan yang tidak digemari oleh Tun Dr. Mahathir menyebabkan Tun keluar UMNO. Pengisytiharan keluar ini telah dipersepsi buruk dan telah menggugat sedikit-sebanyak sokongan kepada BN. Situasi ini yang telah memberikan kelebihan kepada calon-calon PKR yang bertanding pada PRU-2 ketika itu walaupun tidak dapat memenangi kerusi yang dipertandingkan.

Penguasaan konsesi balak di Sabah oleh Michael Chia yang dikatakan proksi Datuk Musa Aman juga dijadikan isu besar oleh *blogger* Sabahkini. Dengan motto “membongkar kebenaran, mempertahankan kejujuran”, Sabahkini telah menjadi rujukan penting bagi rakyat Sabah untuk dapatkan maklumat. Salah laku Datuk Musa Aman ditelanjangi sehinggalah kepada isu penahanan Michael Chia di lapangan terbang Hong Kong beberapa minggu sebelum pilihanraya umum ke-12 kerana membawa jutaan dolar Singapura. Begitu juga dengan isu kad pengenalan palsu dan pendatang tanpa izin yang dikatakan menggugat kedaulatan Sabah telah menimbulkan rasa tidak senang di kalangan pengundi bukan Islam dan KDM. Gabungan semua isu-isu yang dibangkitkan sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri dan DUN yang diviralkan melalui blog-blog tanpa sempadan telah

meningkatkan peratus jumlah undi PKR. Namun perkembangan blog ini masih tidak mampu untuk menggugat hegemoni BN kerana keupayaan BN untuk menjaga keharmonian kaum dan kestabilan ekonomi di Sabah yang nikmatnya turut dirasakan di parlimen Silam. Walaupun pihak non-BN masih tidak mampu merampas mana-mana kerusi sehingga PRU-13, namun PRU 12 yang dikatakan pemula kepada perubahan politik di Malaysia telah turut merebak ke Sabah termasuk parlimen Silam. Ini jelas dengan peratus undi yang tinggi diperolehi oleh PKR di semua kerusi bertanding di Silam. Signal awal telah ditunjukkan secara khusus di P.188 Silam yang menggambarkan wujud penolakan yang jelas terhadap BN dengan penyusutan peratus undi secara berterusan bagi setiap pilihan raya walaupun calon ditukar ganti. Ini jelas ditunjukkan pada PRU-13, BN yang diwakili Datuk Mohammad Nasrun Mansur (58.1 %) tidak mampu mengekalkan prestasi calon sebelumnya seperti Datuk Salleh Kalbi (65.7 %) pada PRU-12 dan Datuk Samsu Baharun Abd Rahman (68.8 %) pada PRU-11 (Rajah 3)

Rajah 3 : Prestasi parti-parti non-BN di Parlimen Silam Mengikut PRU



Sumber : Ubahsuai daripada SPR (2004b, 2008, 2013, 2018c)

Tarikh 9 Mei 2018 merupakan tarikh keramat. Ramalan-ramalan politik yang memihak kepada BN jauh tersasar. Tiada manusia menduga termasuk penganalisis politik hebat sekalipun. Takdir telah menentukan hegemoni dan dominasi UMNO-BN telah terkubur pada PRU-14. Titik hitam ini menjadi realiti yang sukar diterima oleh ahli dan pemimpin UMNO Sabah termasuk yang duduk di kerusi empuk Seri Perdana, Putrajaya. Parlimen Silam yang dilaporkan mempunyai ahli UMNO teramai di Malaysia terpaksa akur dengan

keputusan yang dibuat oleh pengundi. Setelah mendominasi semua peringkat di parlimen Silam sehingga PRU-13, akhirnya BN yang diwakili UMNO di Silam terpaksa rela paksa melepaskan semua kerusi kepada parti baru Warisan yang lahir daripada tembuni UMNO sendiri akibat kekecewaan disebabkan keegoan pimpinan UMNO pusat yang agak liat menerima teguran.

Strategi PH yang membiarkan presiden Warisan Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal untuk menentukan hala tuju Sabah berdasarkan semangat Sabah untuk orang Sabah dengan slogan “Ubah” telah berjaya. Walaupun sukar di peringkat awal untuk mendapatkan calon boleh menang di semua DUN dan parlimen di Silam, tetapi strategi meletakkan anak tempatan di N.49 Tungku (Assaffal P. Alian), bekas ketua balai polis Lahad Datu di N.50 Lahad Datu (Dumil Pg Masdal) dan calon wanita muda di N.51 Kunak (Norazlinah Arif) serta bekas ADUN Lahad datu di P.188 Silam (Mohamaddin Ketapi) mengena jerat. Ini dibuktikan dengan kesemua calon-calon yang diketengahkan telah diisytiharkan menang dan berjaya menyingkirkan nama-nama-nama besar dalam UMNO. Antaranya Datuk Datu Nasrun Bin Datu Mansur, yang merupakan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi merangkap ahli parlimen, Datuk Mohd Yusof Apdal yang merupakan Ketua UMNO Bahagian Silam merangkap ADUN Lahad Datu, Mizma Apehdullah, Ketua Wanita UMNO Silam serta Datuk Nilwan Kabang yang merupakan Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah merangkap ADUN Kunak. Rata-rata calon Warisan telah memenangi undi popular sekitar 47.0 – 54.3 peratus. Mohamaddin Ketapi yang merupakan calon Warisan P.188 Silam memperoleh kemenangan bergaya apabila mendapat majoriti sebanyak 6,401 undi mengalahkan Datuk Datu Nasrun Bin Datu Mansur. Dumil Pg Masdal yang bertanding di N.50 Lahad Datu berjaya mengalahkan Ketua Bahagian UMNO Silam dengan majoriti 2,932 undi. Manakala Assaffal P. Alian pula telah mengalahkan Ketua Wanita UMNO Silam dengan majoriti 1,001 undi di N.49 Tungku. Bagi N.51 Kunak, Norazlinah Arif merupakan calon yang bertuah setelah menang tipis kepada bekas Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah (SPR, 2018c). Berdasarkan analisis keputusan pilihanraya, Warisan berjaya menumbangkan di hampir keseluruhan saluran kecuali saluran 1 dan 2. Begitu juga dengan daerah mengundi. Di N.49 Tungku, berlaku tsunami apabila Warisan memenangi 7 daripada 11 daerah mengundi dan sebanyak 61.11 peratus saluran menolak BN. Begitu juga di N.50 Lahad Datu di mana sebanyak 77.35 saluran menolak BN dan wujud penolakan total di 6 daripada 12 daerah mengundi dan 3 daerah mengundi lagi hanya menang di saluran 1. Di Kunak, walaupun hanya mampu memenangi 1 daripada 8 daerah mengundi, Warisan mampu meraih kemenangan sebanyak 56.67 peratus saluran.

Seperti juga dengan faktor pengekal hegemoni BN, kemenangan Warisan dengan penampilan sulung pada PRU-14 disebabkan oleh gabungan faktor nasional, negeri dan kawasan. Banyak isu yang tidak mampu dihadami sehingga menimbulkan kerisauan yang tinggi di kalangan rakyat. Dalam konteks lokal di Lahad datu dan Tungku, terdapat beberapa isu yang tidak disenangi oleh penduduk. Antaranya isu status tanah penempatan dan ancaman perobohan setinggalan, masalah pelauh / Bajau Laut yang berkeliaran di merata bandar, isu keselamatan dan penculikan di perairan bersempadanan dengan Filipina (Nordin, 2012, Ramli & Mohd Zambri, 2015, Ramli & Eko Prayitno, 2015, Ramli & Zainus Sagi, 2017 dan Ramli *et. al.*, 2017), isu kemudahan awam dan infrastruktur pendidikan yang usang

dan tidak mencukupi, tertekan dengan penguatkuasaan cukai barang dan perkhidmatan (GST), kenaikan harga petrol dan harga barang, peluang pekerjaan yang mengecil dan isu dokumentasi (MPN, 2017). Namun terdapat isu yang menjadi barah dan menjadi liabiliti kepada UMNO bahagian dan cawangan kerana ia telah disensasikan di alam maya dan jelajah ceramah di peringkat nasional termasuk negeri. Isu GST dan harga mingguan petrol yang banyak kali naik berbanding turun mengakibatkan harga barangan harian turut sama meningkat. Keadaan ini telah menjadi bebanan kepada rakyat. Bebanan ini ditambah lagi dengan sukarnya mencari peluang pekerjaan apabila banyak jawatan sektor awam mula dibekukan. Isu-isu ini amat dekat dengan rakyat bawahan. Apa pun penjelasan yang telah diberikan oleh media hingga kepada agensi-agensi BN seperti Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung (JKKK), RELA, KEMAS termasuk Menteri bertanggungjawab, ia tidak mampu menenangkan masyarakat yang terjejas. Perlaksanaan GST telah menimbulkan kemarahan rakyat dari ceruk hutan hingga ke tengah-tengah bandar. Dalam survei bersemuka dengan JKKK parlimen Silam, rata-rata mereka merasakan GST adalah “mayat hidup yang sedang diusung oleh BN”. Mereka mengatakan rata-rata rakyat kecewa dan marah termasuk penyokong tegar BN. Emosi rakyat daripada bandar hingga desa yang terbeban dengan kos sara hidup akibat pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) turut terganggu. Ini kerana walaupun terdapat BR1M yang diberikan 3 kali setahun sebagai “ubat penenang”, tetapi kenikmatannya dirasakan bermusim sedangkan derita yang dialami angkara GST dirasakan secara harian. Isu-isu yang membekas ini bijak digunakan oleh pasukan yang bersama Warisan sama ada di peringkat nasional mahupun di negeri. Warisan dengan restu PH bijak mengambil kesempatan ini. Di atas gangguan emosi dan kemarahan rakyat, Warisan berjanji semasa kempen PRU-14 iaitu jika mendapat sokongan daripada rakyat maka mereka akan menghapuskan cukai tersebut. Rakyat merasakan Warisan merupakan penyelamat daripada kesengsaraan ekonomi yang dihadapi walaupun pada masa itu ia muncul hanya sekadar janji. Lantaran itu sebahagian besar pengundi lama telah membulatkan ketetapan lebih awal untuk diterjemahkan di kotak undi.

Serangan berulang kali ke atas syarikat pelaburan strategik negara, 1MDB dengan mengaitkan isu kemasukan duit RM2.5 juta dalam ‘akaun peribadi’, dilihat telah mengundang perhatian pengundi terutama atas pagar dan golongan terpelajar. Isu ini telah merencatkan UMNO dengan pemecatan pemimpin kanan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal. UMNO yang menjadi tunjang BN telah berpecah. Nama Datuk Seri Najib yang terpalit isu penggunaan wang negara dalam isu pelaburan 1MDB sehingga kerajaan berhutang menjadi liabiliti BN. Politik persepsi digunakan untuk merisaukan rakyat dengan menggambarkan hutang 1MDB boleh mengakibatkan Malaysia bankrap. Isu-isu ini diburukkan lagi oleh perbelanjaan boros oleh isteri perdana menteri dengan pemilikan cincin berlian bernilai RM24.45, barang kemas, isu berbelanja mewah di luar negara. Isu ini juga bijak digunakan oleh Warisan dengan menggunakan poster-poster dan video pendek yang mudah di hadam oleh rakyat.

Media alternatif yang mudah dicapai oleh rakyat dikuasai oleh agen-agen Warisan. Warisan sedar bahawa PRU-13 adalah pilihanraya anak muda dan anak muda amat dekat dengan media alternatif. Tambahan pula 48.1 peratus daripada pengundi parlimen Silam terdiri daripada anak muda. Oleh itu siaran langsung ceramah-ceramah melalui *Facebook* (FB) dengan menunjukkan sambutan luar biasa terhadap jelajah PH di mana-mana negeri

senantiasa di muat naik di FB . Kehadiran ribuan pendengar dalam setiap jelajah ceramah di sepanjang kempen di negeri-negeri bahagian pantai barat semenanjung hingga ke Johor telah mengubah persepsi sebahagian besar pengundi di Silam. Walaupun jauh, rakyat Silam khususnya anak-anak muda dapat mengikuti menerusi *Facebook Live* . Jumlah jutaan penonton yang mengikuti ceramah secara langsung menerusi *Facebook Live* pula tidak disangka menjadi realiti sehingga ramai anak-anak muda menterjemahkan ke kertas undi dengan memenangkan semua calon Warisan di hampir semua daerah mengundi. Berdasarkan kepada jumlah pengundi baru (kebiasaannya adalah pengundi muda) yang berdaftar pada data pemilih SPR 2018, N.49 Tungku menerima seramai 915 orang pengundi baru, N.50 Lahad Datu seramai 1,041 orang dan N.51 Kunak seramai 1,213 orang. Berdasarkan analisis keputusan PRU-14, pengundi baru ini telah memenangkan parti Warisan di Tungku dan Lahad Datu termasuk parlimen Silam. Majoriti yang dicatatkan oleh Warisan di Tungku sebanyak 1,001 undi berbanding 915 pengundi baru. Begitu juga di Lahad Datu, jumlah majoriti yang diperoleh sebanyak 2,932 undi iaitu lebih dua kali ganda dari jumlah pengundi baru. Di Kunak, pengundi baru dilihat sebagai penyumbang kepada kemenangan Warisan dengan majoriti sebanyak 268 undi. Walaupun kecil, tetapi pengundi muda dilihat berpihak kepada Warisan apabila keseluruhan saluran 3 dan 4 dimenangi oleh Norazlina Arif.

Di samping itu faktor Bajau-Suluk juga dilihat sebagai penyumbang kepada kemenangan Warisan. Berdasarkan culaan yang dilakukan oleh jentera BN (UMNO,2018), jumlah pengundi bajau-suluk di parlimen Silam sekitar 21.7 peratus dan jumlah ini dilihat agak besar dengan bantuan suku-suku anti BN seperti Cina (10.6%) dan sebahagian suku-suku yang lain. Selepas pemecatan Datu Seri Shafie Apdal (DSSA) daripada UMNO, slogan bajau “*Ununganta DSSA*” telah dilaungkan melalui poster-poster yang dilekat pada kereta. Slogan keramat yang memberi maksud “berjuang bersama DSSA sama ada dalam keadaan susah atau senang” telah tersemat pada kebanyakan masyarakat bajau-suluk. Ia telah berjaya membentuk sokongan dan solidariti yang utuh kepada DSSA yang merupakan anak jati kelahiran Semporna yang terkenal dengan suku bajau. Natijahnya, motto ini bukan hanya tinggal sebagai slogan tetapi dibuktikan semasa hari pengundian. Ini dibuktikan dengan kekalahan calon BN di daerah mengundi yang didominasi oleh kedua-dua suku ini. Di pusat daerah mengundi (PDM) Kunak Jaya & Pangi di N.51 Kunak, semua saluran mengalami kekalahan. Begitu juga PDM Tungku, Tanjung Labian dan Tambisan di N.49 Tungku juga menunjukkan pola yang sama (SPR, 2018c).

Faktor-faktor lain yang turut dilihat sebagai penyumbang kemenangan Warisan seperti keberanian angkatan tentera, sabotaj oleh ahli yang berwajah dua dan gula-gula pilihanraya yang tidak sampai ke sasaran. Anggota tentera merupakan pemilih berdaftar yang telah melakukan pengundian awal pada 5 Mei 2018. Buat julung kalinya, anggota tentera yang bertugas di parlimen Silam melakukan undi yang berbeza dengan arus kehendak BN seperti kekal dilakukan oleh pasukan Polis. Di N.50 Lahad Datu, BN mengalami kekalahan sebanyak 30 undi di saluran Batalion 17 Pasukan Gerakan Am Lahad Datu. Begitu juga di N.49 Tungku, Markas Ke-13 Briged (ESSCOM) Kem Cenderawasih Lahad Datu telah mengurniakan kemenangan kepada Warisan dengan kelebihan 39 undi. Selain itu perbuatan sabotaj ahli-ahli parti UMNO yang bermuka dua. Ramai yang pengundi hingga ke JKKK yang ditemui semasa survei di lapangan, mereka berpakaian BN tetapi berjiwa Warisan. Pola ini ramai ditemui terutamanya di Tungku dan Lahad Datu. Fenomena

ini agak sukar dibaca oleh pimpinan tertinggi UMNO yang jarang turun ke lapangan. Sabotaj ini disebabkan oleh faktor suku yang berpegang kepada slogan “*Ununganta DSSA*” dan sebagai tanda protes kepada calon yang diletakkan. Sebagai contoh Mizma Apehdullah yang bukan anak kelahiran Tungku tidak digemari oleh ramai pengundi N.49. Sebagai tanda protes, penyokong mantan ADUN Tungku bertindak tidak membantu kempen BN di Tungku tetapi pergi ke tempat-tempat lain seperti Sipitang membantu anak Ketua Menteri ketika itu. Yang paling tragis, ada di kalangan mereka berkempen secara senyap bagi pihak Warisan. Satu lagi faktor kemenangan Warisan ialah gula-gula akhir BN yang dilihat sebagai senjata makan tuan. BN yang terlalu bergantung kepada gula-gula akhir, akhirnya disabotaj oleh pemegang-pemegang duit atau agen-agen pengagih. Duit yang dijanjikan oleh agen pengagih sebagai sugu hati pilihanraya tidak sampai ke tangan pengundi. Malahan terdapat pengundi yang menerima dengan jumlah yang berbeza-beza dengan apa yang dijanjikan. Ini menimbulkan rasa tidak senang, dipermainkan seterusnya menimbulkan kemarahan di kalangan ahli dan pengundi yang akhirnya diterjemahkan di kertas undi. Kesemua-faktor yang dinaytakan ini saling berkait dan menjadi punca kepada kekalahan total BN di Parlimen P.188 Silam.

KESIMPULAN

PRU-14 merupakan sejarah dalam politik negara. Sejak memerintah Sabah pada 1999, BN yang di dominasi oleh UMNO akhirnya terpaksa akur dengan pilihan rakyat. Isu-isu nasional banyak mendominasi corak pemilihan pengundi Silam berbanding isu-isu lokal. Peningkatan kos sara hidup, kadar pengangguran di kalangan anak-anak muda, masalah kleptokrasi di kalangan ahli-ahli politik dan ledakan media sosial telah menyebabkan mega tsunami luar jangka. Kegagalan BN untuk memanipulasi media telah berjaya digunakan oleh Warisan bersama PH untuk mempersepsikan secara buruk pemimpin BN. Serangan berterusan melalui isu 1MDB yang telah dikaitkan dengan Datuk Seri Najib Tun Razak telah berjaya membunuh karakternya sebagai pemimpin BN. Sehingga BN dilihat buruk sejiiknya yang sukar untuk dipulihkan. Kebangkitan anak-anak muda yang menjadi fokus sejak PRU-12 telah berjaya memobilisasikan oleh PH menyebabkan berlakunya perubahan sikap rakyat yang mengubah keputusan pengundian di Sabah. Situasi ini telah menyebabkan penduduk sudah bertekad bulat untuk berubah walaupun banyak program yang baik diperkenalkan oleh BN. Akhirnya BN mengalami kekalahan luar jangka di Parlimen Silam dan semua DUN yang dimilikinya. Walaupun BN kalah, namun hegemoninya kekal cuma bertukar kulit. Warisan merupakan parti yang lahir daripada tembuni UMNO. Mereka tubuhkan Warisan bukan disebabkan oleh bencikan UMNO tetapi ingin singkirkan pemimpin UMNO yang angkuh. Sebab itulah selepas PRU-14 baru-baru ini, terdapat usaha untuk menghidupkan semangat BN 2.0 yang diketuai oleh Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Persoalannya ialah mampukah semangat ini dihidupkan di Silam dalam keadaan semua BN tersungkur jatuh di parlimen yang di dominasi sejak kemasukan UMNO pada tahun 1994 lagi.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UMS melalui geran penyelidikan SDK0038-2018. Para penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Pn. Marja Azlima Omar, rakan-rakan dan penilai makalah ini di atas komen yang membina bagi memperbaiki makalah ini.

RUJUKAN

- Asmady Idris dan Suzalie Mohamad. 2014. Kelangsungan dominasi barisan nasional di sabah dalam pilihan raya umum ke-13. *Kajian Malaysia*, 32(2): 171–206.
- Evans, G. dan J. Newnham. 1998. *The Penguin dictionary of international relations*. London: Penguin Books.
- FMT. 2018. Mengapa BN boleh terus kuasai Sabah selepas PRU14. Atas Talian <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2018/03/06/mengapa-bn-boleh-terus-kuasai-sabah-selepas-pru14/>, 6 Mac.
- Malaysiakini. 2018. On eve of polling, Warisan is upbeat - but warns of fraud. 8 May. Atas talian <https://www.malaysiakini.com/news/423695>
- Mohd Fawzi Abdul Kadir. 2017. *Taklimat pembangunan daerah Lahad Datu*. Majlis Daerah Lahad Datu.
- MPN. 2017. *Laporan Tinjauan Masyarakat di Lahad Datu, Sabah*. 28 - 30 Mac 2017
- Nordin Sakke. 2012. Persempadanan geografi dalam pengesahan fakta sempadan antarabangsa: Tinjauan ke atas sempadan Sabah-Kaltim-Filipina. Dalam Arkib Negara (ed.). *Kumpulan kertas-kertas kerja bengkel kajian persempadanan negeri Sabah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia
- Pejabat Daerah Lahad Datu. 2013. *Profil Daerah*. Atas Talian <http://ww2.sabah.gov.my/pd.ld/profil-daerah.html>
- Perangkaan Malaysia. 2015. *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014*. Kota Kinabalu: Jabatan Perangkaan Malaysia, Sabah.
- Ramli Dollah & Eko Prayitno Joko. 2015. Dasar ‘Memakmurkan Jiran’ Dan Penglibatan Malaysia Dalam Proses Keamanan Di Selatan Filipina, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 42(1), 77-112
- Ramli Dollah & Mohd Zambri Suharani. 2015. Fungsi dan peranan ESSCOM dalam menjamin keselamatan Sabah: Satu perbandingan persepsi antara komuniti ‘Luar’ dan komuniti ESSZONE. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2, 1-28.
- Ramli Dollah & Zainus Sagi Khusyairy Pangkas. 2017. Aktor Bukan Negara dan Keselamatan Nasional di Malaysia: Tentera Diraja Sulu dan Pencerobohan Lahad Datu, 2013. *Akademika*. 87(3), 17-31
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters and Zaini Othman. 2016. Old Threats, New Approach and National Security in Malaysia: Issues and Challenges in Dealing With cross-border crime in East Coast of Sabah. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 178-186
- Ramli Dollah, Zaini Othman, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Salmie Jemon. 2017. Peranan peristiwa dalam pembentukan Identiti: Peristiwa Tanduo 2013 dan Pembentukan Identiti Masyarakat Suluk (Tausug) di Sabah, *Jurnal Kinabalu*, 23, 21-42
- Sabihah Osman. 2008. Pembangunan Politik Sabah: Satu Penelusuran Sejarah. *Jurnal Kinabalu*. 14: 1-27
- Sayang Sabah. 2017. Pengiktirafan Audit Negara Bukti Sabah Ditadbir Ketua Menteri Terbaik. 1 Ogos 2017. Atas talian <https://www.sayangSabah.com/pengiktirafan-audit-negara-bukti-sabah-ditadbir-ketua-menteri-terbaik/>

- SPR . 2004a. *Laporan Pilihanraya Umum 2004*. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia
- SPR. 2004b. *Helaian mata bahagian pilihanraya negeri : P.188 Silam*. Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. Putrajaya.
- SPR. 2008. *Helaian mata bahagian pilihanraya negeri : P.188 Silam*. Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. Putrajaya.
- SPR. 2013. *Helaian mata bahagian pilihanraya negeri : P.188 Silam*. Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. Putrajaya.
- SPR. 2016a. *Pelan bagi maksud Seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958 menunjukkan sempadan daerah mengundi dalam bahagian pilihanraya negeri N.49 Tungku dalam bahagian pilihan raya persekutuan P.188 Silam, Negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah.
- SPR. 2016b. *Pelan bagi maksud Seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958 menunjukkan sempadan daerah mengundi dalam bahagian pilihanraya negeri N.50 Lahad Datu dalam bahagian pilihan raya persekutuan P.188 Silam, Negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah.
- SPR. 2016c. *Pelan bagi maksud Seksyen 7 Akta Pilihan Raya 1958 menunjukkan sempadan daerah mengundi dalam bahagian pilihanraya negeri N.51 Kunak dalam bahagian pilihan raya persekutuan P.188 Silam*, Kota Kinabalu: Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah.
- SPR. 2018a. *Daftar pemilih induk suku 4/2017 : P.188 Silam*. Suruhanjaya Pilihan Raya Sabah.
- SPR. 2018b. *Keputusan Pilihanraya*. Atas talian <http://www.spr.gov.my/ms/keputusan-pilihanraya>.
- SPR. 2018c. *Helaian mata bahagian pilihanraya negeri : P.188 Silam*. Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia. Putrajaya.
- Suhaimee Saahar. 2008. Isu-Isu Utama Sebelum, Semasa Dan Selepas Pru 12 : Satu Analisis Kandungan Blog-Blog Politik Malaysia Terpilih. *Jebat*. 35: 81-96
- UMNO. 2018. Profil Pengundi Negeri Sabah : P.188 Silam.
- Utusan Borneo (2017). Lima faktor tarik pengundi muda. Perubahan trend kembali sokong BN, Kata Salleh. 24 Ogos. Atas talian <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20170824/281663960132002>
- Utusan Online. 2018. Dua punca utama kekalahan BN pada PRU-14. 25 Mei 2018. Atas talian <http://www.utusan.com.my/berita/politik/dua-punca-utama-kekalahan-bn-pada-pru-14-1.679549>
- Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Md Saffie Abd Rahim. 2008. Pendatang Tanpa Izin Dan Pilihan Raya Umum Ke-12: Kes Sabah. *Jurnal Kinabalu*. 14, 131-142
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2011. *Pendatang dan keselamatan di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS
- Wikipedia. 2018. Barisan Nasional. Atas Talian https://en.wikipedia.org/wiki/Barisan_Nasional.
- Zaini Othman, Eko Prayitno Joko, Ramli Dollah, Amrullah Maraining and Kim Jong Eop. 2016. "Malaysia's 13th General Election: Sabah-Barisan Nasional Fixed-Deposit State?", *Southeast Asia Review*, Korea, 26(3): 91-118

NOTA Hujung

¹ PKR merupakan gabungan dua parti politik iaitu Parti Keadilan Nasional (KeADILan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Pada PRU-11, calon-calon PKR bertanding atas tiket parti KeADILan disebabkan oleh masalah kelulusan daripada pendaftar pertubuhan. PKR hanya diluluskan selepas PRU-11 dan secara rasmi bertanding pada PRU-12.